

Kes denggi tinggi di Zon Bersih

Pengerusi Combi minta masyarakat luang masa 10 minit bersih kawasan

3/4/2011 MS 3H

BANTING – Walaupun Taman Sri Putra dilabel sebagai Kawasan Zon Bersih namun penduduk sekitar masih gelisah dengan masalah kes denggi yang masih berluasa di kawasan berkenaan.

Pengerusi Combi merangkap Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Taman Sri Putra, Arif Atan, berkata, beliau kesal dengan sikap penduduk yang tidak mengamalkan amalan meluangkan masa 10 minit sekali gus menyebabkan pembiakan nyamuk Aedes berlaku.

Menurutnya, beliau bersama Ahli Jawatankuasa (AJK) yang lain mengadakan pendekatan komunikasi secara bersepadu ke arah perubahan tingkah laku yang khusus kepada masyarakat bagi memberi maklumat terus kepada jiran tetangga.

“Pendedahan ini juga membantu mengurangkan kes denggi yang tinggi di kawasan ini sekali gus mengubah tingkah laku masyarakat supaya lebih prihatin.

“Dalam pada itu, kami juga kesal apabila terdapat penduduk yang masih tidak meningkatkan ciri-ciri kebersihan walaupun terdapat ahli keluarga yang menghidap demam denggi,” kata-



■ ARIF

nya kepada Sinar Harian, dalam Program Jom Cegah Denggi di Taman Sri Putra, Banting, semalam.

Penduduk, Salleh Shuib, berkata, beliau tidak mahu kawasan yang dilabel sebagai kawasan zon bersih ini terus diserang sebagai masalah kes denggi yang tertinggi.

Menurutnya, beliau akan meneruskan usaha mengadakan perjumpaan secara bersemuka dengan penduduk bagi memberi penerangan supaya dapat mencegah penyakit berjangkit.

Empat kes bulan Mac

Empat kes demam denggi diterima di kawasan Taman Sri



■ Ahli Combi memeriksa kawasan persekitaran rumah.



■ SALLEH

Putra sekali gus membimbangkan penduduk setempat.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Mohd Imran Abdul Wahab, berkata, pada Mac sahaja terdapat empat kes denggi yang berlaku akibat sikap tidak prihatin penduduk.

Menurutnya, beliau mengakui kawasan taman perumahan itu adalah kawasan taman lama sekali gus memerlukan pemantauan dan perhatian penduduk un-

tuk menjaga kebersihan dengan membuang tempat yang boleh menyebabkan air bertakung.

“Dalam pada itu, kes denggi di kawasan Taman Sri Putra di sini juga disebabkan oleh penduduk yang tidak mahu mengambil tahu keadaan kawasan rumah jiran tetangga.

“Sekiranya mereka saling mengingatkan sesama jiran tetangga sudah pasti kes denggi dapat dikurangkan dan kebersihan dapat pelihara,” katanya.

Ahli majlis saran jaga kawasan rumah sendiri

Ahli Majlis, Lim Kuan Sion, berkata, beliau menyarankan setiap penduduk dapat menjaga persekitaran rumah sendiri supaya dapat mengelakkan masalah kes denggi.

Menurutnya, beliau mahu setiap rumah dapat menunjukkan

sikap prihatin terhadap kes pembiakan Aedes yang berlaku kerana ketika pemantauan dibuat masih terdapat rumah yang menternak jentik akibat menakung air di pasu bunga atau bekas yang disimpan di halaman rumah.

“Dalam pada itu, tinjauan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat bersama ahli jawatankuasa Combi sedikit sebanyak mendapat maklumat berkenaan kes berkenaan di kawasan taman itu.

“Saya juga terkejut apabila penduduk yang tidak kisah apabila melihat pihak yang bertanggungjawab menunjukkan sample jentik yang diperolehi di kawasan rumah mereka walaupun salah seorang ahli keluarga pernah menghadapi masalah demam denggi,” katanya.

MDKL dalam usaha memotong pokok besar dan lama di kawasan taman perumahan berkuat kuasa semalam.



■ Penduduk mendengar taklimat wakil Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat.